

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**September 1999**

**PPG 102 – Perspektif Sosial Dalam Pendidikan Di Malaysia**

**Masa : (3 Jam)**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 3 muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN :** Jawab Soalan 1 dan Dua Soalan Lain.

**1. SOALAN 1**

**PETIKAN**

**FASAL (3) UNDANG-UNDANG PELAJARAN 1957**

“Dasar Pelajaran Persekutuan ialah untuk mencipta satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat diterima oleh rakyat pada keseluruhannya dan boleh memenuhi hasrat serta memajukan aliran kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik sebagai sebuah negara dengan tujuan hendak menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini, di samping memelihara dan mengekalkan perkembangan bahasa dan kebudayaan orang-orang selain daripada orang-orang Melayu yang juga bermastautin di negara ini”.

Merujuk petikan di atas.

- a) Berikan justifikasi pernyataan tersebut dalam konteks perkembangan pendidikan tahap awal kemerdekaan. (40 markah)
- b) Bagaimanakah diterjemahkan hasrat (tujuan) undang-undang ini dalam sistem pendidikan. (30 markah)
- c) Jelaskan rasional perlaksanaan dan pencapaian dasar pendidikan dalam pembinaan negara dan bangsa. (30 markah)

...2/-

2. **SOALAN 2**

**PETIKAN**

“Rancangan Malaysia Kedua telah memberi penekanan kepada pendidikan bagi tujuan meningkatkan integrasi dan perpaduan nasional ... perlaksanaan dasar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah, dan mengurangkan jurang dalam peluang pendidikan di antara wilayah dan kaum ...” (Haris, 1990. ms. 170 – 71).

Merujuk petikan di atas :

- i) Jelaskan rasional dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan.  
(50 markah)
- ii) Bagaimanakah laporan Majid, dan Kajian Keciciran mempengaruhi perkembangan pendidikan.  
(50 markah)

3. **SOALAN 3**

**PETIKAN**

“Jawatankuasa Kabinet (1974) dibentuk untuk mengkaji semula matlamat dan kesannya terhadap sistem pelajaran sekarang, termasuk kurikulumnya ... untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi ... dan melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih” (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran, 1981. hal. 1).

Merujuk perkara di atas.

- i) Mengapa perlunya Jawatankuasa Kabinet (1974) “Mengkaji Semula Matlamat dan Kesan Sistem Pendidikan”.  
(50 markah)
- ii) Beri 3 perakuan utama dan bincangkan perlaksanaan serta perakuan-perakuan tersebut.  
(50 markah)

...3/-

**4. SOALAN 4**

**PETIKAN**

Pendidikan sebagai proses persekolahan merupakan satu bentuk interaksi sosial antara manusia, antara generasi dan antara yang berkuasa dengan yang dikuasai dalam sesebuah negara, sebagai agen pemasyarakatan dan pembudayaan untuk pemajuan.

1. Merujuk kepada pernyataan di atas, bagaimanakah institusi sekolah berfungsi sebagai institusi sosial.  
(50 markah)
2. Berdasarkan kepada petikan di atas, apakah motif-motif utama yang dapat disimpulkan dalam menilai peranan sistem pendidikan negara.  
(50 markah)

**5. SOALAN 5**

**PETIKAN**

Kesan yang paling ketara sekali dalam pendidikan adalah tahap usaha dan pencapaian pembangunan dan perkembangan potensi individu. Pembangunan insan ini menekankan ciri-ciri kekamilan akhlak, hatibudi, moral dan etika yang luhur, bersepadu, seimbang dan harmonis.

Hussein Haji Ahmad  
1993 – ms. 351

Berdasarkan kepada petikan di atas,

1. Bincangkan intipati Falsafah Pendidikan Negara.  
(50 markah)
2. Bagaimanakah usaha-usaha perkembangan pendidikan dalam proses Reformasi Pendidikan dan Wawasan 2020.  
(50 markah)

